


# Masalah 60 pelajar Pahang 'terkandas' di Mesir selesai - PM

24 Oktober 2023 12:24am Masa membaca: 1 minit



Anwar mengadakan pertemuan dengan Sheikh Al-Azhar, Prof Dr Ahmad Al-Tayyeb di Universiti Al-Azhar hari ini. - Foto Bernama

KAHERAH - Masalah 60 pelajar dari Pahang yang tidak dapat meneruskan pengajian di Universiti Al-Azhar di sini, disifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai telah berjaya diselesaikan hasil perbincangannya bersama Sheikh Al-Azhar, Prof Dr Ahmed El Tayeb.

Beliau yang membuat kunjungan hormat kepada Ahmed di Al-Azhar hari ini berkata, masalah 60 pelajar berkenaan timbul apabila mereka datang untuk belajar di universiti itu di sini tanpa mengikut prosedur ditetapkan universiti berkenaan, sehingga menyebabkan mereka 'terkandas' di Mesir.

"Jalur (saluran) yang ditetapkan oleh Universiti Al-Azhar ialah kesemua itu melalui proses kedutaan.

"Oleh kerana tidak diikuti, 60 pelajar itu tersangkut.

"Bagaimanapun, saya telah mengemukakan rayuan dan Sheikh Al-Azhar bersetuju supaya 60 anak-anak Pahang itu diurus sesegera mungkin dan Rektor Universiti Al-Azhar tadi telah memberi jaminan.

"Tetapi saya juga telah beri jaminan kepada mereka (Sheikh Al-Azhar) bahawa hal sebegini tidak akan berlaku lagi, insya-ALLAH, semua negeri diharap mematuhi peraturan sedia ada kerana ini syarat yang ditetapkan kerajaan Mesir dan Unversiti Al-Azhar, Alhamdulillah selesai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan Malaysia pada sidang akhbar pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Mesir di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Zamani Ismail.

Terdahulu, Anwar melakukan kunjungan hormat ke atas Ahmed dan ketibaan beliau di Al-Azhar disambut oleh Timbalan Sheikh Al-Azhar, Prof Dr Muhammad Abdur-Rahman Al-Duwini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Sheikh Al-Azhar itu bersetuju untuk membuat kunjungan rasmi ke Malaysia pada suku pertama tahun depan.

"Kunjungan beliau itu akan kita manfaatkan dengan penganjuran sidang Islam serantau supaya kita mendapat mafaat daripada kehadiran dan gagasan beliau," katanya.

Anwar berkata, Malaysia bersama Sheikh Al-Azhar akan mengambil inisiatif untuk menganjurkan persidangan itu dan menugaskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menyelaraskan penganjurannya. - Bernama